

INVENTORI BUDAYA ETNIK NEGERI SABAH ETNIK BISAYA



LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH
KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

KANDUNGAN

Prakata	iv	
Bab 1	Pendahuluan	1
Bab 2	Latar Belakang Etnik Bisaya	4
Bab 3	Kegiatan Sosioekonomi	12
Bab 4	Sastera Lisan Turun-Temurun	27
Bab 5	Adat Istiadat Turun-Temurun	39
Bab 6	Kepercayaan dan Amalan Etnik Bisaya	50
Bab 7	Muzik dan Tarian Tradisional	55
Bab 8	Pakaian Tradisional dan Aksesori	67
Bab 9	Adat Istiadat Perkahwinan	72
Bab 10	Seni Bina Rumah dan Kraf Tangan	83
Bab 11	Makanan Tradisional	98
Bab 12	Permainan Tradisional dan Sukan Rakyat	106
Bab 13	Perayaan dalam Komuniti	120
Bab 14	Amalan Perubatan Tradisional Etnik Bisaya	125
Bab 15	Strata Sosial dan Lapisan Masyarakat	142
Bab 16	Nyanyian Rakyat	147
Bab 17	Kesimpulan	152
	Bibliografi	153

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kajian Inventori Budaya Etnik Bisaya merupakan salah satu usaha untuk merekod dan mendokumentasikan aspek kehidupan etnik Bisaya. Usaha ini dilakukan untuk memelihara, memulihara dan memartabatkan budaya etnik Bisaya.

Kajian ini memberi tumpuan kepada etnik Bisaya di Sabah, khususnya yang tinggal di Daerah Beaufort. Terdapat beberapa aspek yang diketengahkan di dalam buku ini termasuklah aspek sosial, ekonomi dan juga kepimpinan.

Untuk mencapai objektif inventori budaya, satu kumpulan pengkaji dalam kalangan etnik Bisaya sendiri telah ditubuhkan. Satu kajian luar telah dilakukan ke atas masyarakat Bisaya yang tinggal di Daerah Beaufort.

Bab ini menghuraikan latar belakang, pengenalan dan objektif serta metodologi kajian inventori budaya yang telah dijalankan dan telah menjadi asas penulisan kepada buku ini.

1.1 Objektif dan Bidang Kajian

Objektif Inventori Budaya Etnik Bisaya adalah seperti berikut:-

- Untuk menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya;
- Untuk menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya etnik Bisaya;

BAB 3

AKTIVITI SOSIOEKONOMI

3.0 Pengenalan

Etnik Bisaya merupakan salah satu etnik yang menjalankan kegiatan penghasilan sagu sebagai industri untuk menjana pendapatan mereka. Selain daripada itu, pertanian juga merupakan penyumbang utama aktiviti sosioekonomi etnik Bisaya terutamanya di sekitar Daerah Beaufort. Tanaman utama yang diusahakan ialah kelapa sawit, getah, padi, buah-buahan serta tanaman kontang seperti jagung dan sayur-sayuran. Mereka juga menjalankan aktiviti penangkapan ikan, pemburuan hasil hutan, penternakan, penghasilan kraf tangan dan perniagaan secara kecil-kecilan. Kesemua hasil pertanian, ternakan, hasil-hasil hutan dan sebagainya akan dibawa ke satu tempat yang dipanggil “*tamu*” atau pasar yang beroperasi sekali dalam seminggu untuk diniagakan.

3.1 Industri Sagu

Sagu merupakan makanan utama bagi etnik Bisaya dan hal tersebut menyebabkan industri sagu menjadi sangat penting dalam kehidupan mereka. Sagu merupakan makanan ruji bagi etnik Bisaya di Sabah. Berbanding dengan nasi, sagu merupakan hidangan yang popular dan menjadi hidangan harian keluarga. Kebergantungan terhadap sagu telah menjadikan industri pembuatan sagu berkembang sehingga ke hari ini. Pemprosesan sagu secara tradisional telah digantikan dengan penggunaan mesin-mesin moden bagi memenuhi permintaan sagu yang meliputi seluruh negeri Sabah.



Batang Rumbia dikumpul di suatu tempat sebelum diproses menjadi Sagu.

Sagu dihasilkan daripada batang rumbia. Setiap pokok rumbia yang bersaiz sepemeluk dapat menghasilkan lima hingga enam guni sagu seberat 25kg. Hanya isi atau umbut pokok rumbia sahaja yang boleh diproses menjadi sagu. Setelah proses membuat sagu selesai, hampas sagu yang terhasil tidak dibuang begitu sahaja tetapi dijual kepada penternak kambing untuk dijadikan makanan kambing.

Pada zaman dahulu proses menghasilkan sagu dilakukan secara tradisional iaitu dengan menggunakan pamarut untuk mendapatkan isi sagu. Kini, sagu diproses dengan menggunakan mesin kerana penggunaan mesin adalah lebih efektif dan boleh meningkatkan pengeluaran sagu.

BAB 4

SASTERA LISAN TURUN-TEMURUN

4.0 Pengenalan

Kebanyakan cerita yang berkaitan dengan etnik Bisaya diceritakan secara lisan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketiadaan kemudahan untuk mendokumentasikan semua peristiwa dan kesusasteraan yang berkaitan dengan etnik Bisaya dan juga disebabkan oleh kekurangan pengetahuan pada zaman dahulu. Namun kini, sudah ada usaha ke arah mendokumentasikan sejarah dan juga sastera etnik Bisaya.

Antara sastera lisan etnik Bisaya yang terkenal ialah kisah mengenai Sultan Awang Koyoh dan juga kisah perjuangan Serikandi etnik Bisaya iaitu Dang Insum.

4.1 Sultan Awang Koyoh

Sejarah menceritakan bahawa apabila Sultan Mohammad Shah berpindah ke negara Brunei, anaknya iaitu Sultan Awang Koyoh telah dilantik sebagai pemerintah kerajaan Borneo yang berpusat di Kota Klias pada tahun 1370. Sepanjang pemerintahan baginda, Borneo berada dalam keadaan aman, makmur dan subur. Kelebihan Sultan Awang Koyoh ialah dengan izin Tuhan, tanah yang diusahakan baginda akan menjadi tinggi, tidak ditenggelami air dan subur. Hasil tanaman utama pada ketika itu ialah halia yang juga telah diusahakan oleh ayahanda baginda iaitu Sultan Mohammad Shah pada masa dahulu. Selain itu, pokok rumbia juga turut ditanam bagi membekalkan makanan

BAB 4

SASTERA LISAN TURUN-TEMURUN

4.0 Pengenalan

Kebanyakan cerita yang berkaitan dengan etnik Bisaya diceritakan secara lisan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti ketiadaan kemudahan untuk mendokumentasikan semua peristiwa dan kesusasteraan yang berkaitan dengan etnik Bisaya dan juga disebabkan oleh kekurangan pengetahuan pada zaman dahulu. Namun kini, sudah ada usaha ke arah mendokumentasikan sejarah dan juga sastera etnik Bisaya.

Antara sastera lisan etnik Bisaya yang terkenal ialah kisah mengenai Sultan Awang Koyoh dan juga kisah perjuangan Serikandi etnik Bisaya iaitu Dang Insum.

4.1 Sultan Awang Koyoh

Sejarah menceritakan bahawa apabila Sultan Mohammad Shah berpindah ke negara Brunei, anaknya iaitu Sultan Awang Koyoh telah dilantik sebagai pemerintah kerajaan Borneo yang berpusat di Kota Klias pada tahun 1370. Sepanjang pemerintahan baginda, Borneo berada dalam keadaan aman, makmur dan subur. Kelebihan Sultan Awang Koyoh ialah dengan izin Tuhan, tanah yang diusahakan baginda akan menjadi tinggi, tidak ditenggelami air dan subur. Hasil tanaman utama pada ketika itu ialah halia yang juga telah diusahakan oleh ayahanda baginda iaitu Sultan Mohammad Shah pada masa dahulu. Selain itu, pokok rumbia juga turut ditanam bagi membekalkan makanan

BAB 5

ADAT ISTIADAT TURUN-TEMURUN

5.0 Pengenalan

Sebagai sebuah masyarakat yang beragama Islam, adat istiadat turun-temurun etnik Bisaya tidak jauh bezanya dengan masyarakat Melayu terutama dalam hal yang berkaitan dengan kelahiran dan juga kematian. Hal ini mungkin disebabkan oleh kewujudan pengaruh Arab terutamanya dalam adat istiadat yang melibatkan kelahiran dan kematian. Namun, masih terdapat beberapa aspek yang kekal menjadi identiti etnik Bisaya.

5.1 Adat Menyambut Kelahiran

Dalam menyambut kelahiran, etnik Bisaya tidak mempunyai perbezaan yang banyak dengan masyarakat Melayu mungkin disebabkan mereka mempunyai agama dan kepercayaan yang sama.

Pada masa dahulu, bidan merupakan orang yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan kelahiran bayi. Bidan bukan sahaja bertanggungjawab dengan kelahiran bayi tetapi juga bertanggungjawab menjaga ibu bayi tersebut.

Setelah bersalin, para ibu akan melalui satu tempoh yang tidak membenarkan para ibu untuk turun ke tanah selama 44 hari. Tempoh ini dikenali sebagai tempoh berpantang. Sepanjang tempoh tersebut, wanita yang baru bersalin dilarang daripada memakan sebarang makanan mengikut kehendaknya atau membuat kerja yang memerlukan mereka banyak bergerak. Antara makanan yang dilarang keras ialah

BAB 6

KEPERCAYAAN DAN AMALAN ETNIK BISAYA

6.1 Pengenalan

Etnik Bisaya yang terdapat di Sabah kebanyakannya beragama Islam. Hal ini berbeza dengan etnik Bisaya yang terdapat di Sarawak. Sebahagian besar daripada mereka merupakan penganut agama Kristian dan sebahagian lagi masih mengamalkan kepercayaan animisme. Sebelum kedatangan Islam, etnik Bisaya di Sabah juga turut menganut kepercayaan animisme seperti amalan penduduk pribumi yang lain di kepulauan Borneo. Meskipun telah menganut agama Islam, masih terdapat pengaruh animisme yang diamalkan terutama oleh golongan tua di dalam kehidupan seharian mereka.

6.2 Pegangan Agama Etnik Bisaya

Etnik Bisaya merupakan salah satu etnik pribumi yang telah menetap di Borneo sejak beribu tahun yang lalu. Etnik Bisaya pada zaman dahulu merupakan satu etnik yang digeruni, disegani, disayangi, ditakuti dan dihormati oleh etnik yang lain di negeri ini.



Masjid pekan Beaufort.

Etnik Bisaya telah menerima Islam seawal kurun ke-13 lagi. Ketua etnik Bisaya yang pertama ialah Awang Alak Betatar yang telah memeluk agama Islam dan menukarkan namanya kepada Sultan Mohammad Shah. Proses pengislaman etnik Bisaya tidak banyak bezanya dengan kemasukan Islam ke Nusantara. Dipercayai bahawa kemasukan Islam ke dalam kehidupan etnik Bisaya adalah disebabkan oleh hubungan dagang yang berlaku di antara etnik Bisaya dengan para pedagang Arab. Hal ini juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan etnik Bisaya memeluk Islam lebih awal berbanding etnik lain di negeri Sabah.

BAB 7

MUZIK DAN TARIAN TRADISIONAL

7.1 Pengenalan

Seperti juga etnik lain yang terdapat di Sabah, etnik Bisaya juga mempunyai alat muzik dan tarian yang tersendiri. Alat muzik dan tarian inilah yang menjadi identiti etnik Bisaya di Sabah selain daripada pakaian tradisional mereka. Alat muzik dan tarian tersebut sering dipersembahkan semasa majlis-majlis keramaian etnik Bisaya.

7.2 Alat Muzik Tradisional

Terdapat dua jenis alat muzik tradisional yang sinonim dengan etnik Bisaya yang terdapat di Sabah iaitu kulintangan dan gambang.

7.2.1 Kulintangan



Set lengkap alat muzik Kulintangan.

BAB 8

PAKAIAN TRADISIONAL DAN AKSESORI

B.1 Pengenalan

Etnik Bisaya mempunyai pakaian tradisional tersendiri yang menjadi identiti mereka. Pakaian tradisional etnik Bisaya secara umumnya berwarna hitam dan sering dipakai pada majlis-majlis tertentu. Pakaian tersebut melambangkan keunikan etnik Bisaya di samping melambangkan kegagahan etnik Bisaya yang penuh dengan tradisi dan sejarah.

Pakaian tradisional ini biasanya dipakai semasa majlis-majlis keramaian seperti perayaan *Adau Janang Gayuh* dan juga ketika majlis-majlis perkahwinan dan apa-apa kenduri. Pada masa dahulu, pakaian tradisional etnik Bisaya diperbuat daripada kain biasa. Namun kini, kain yang lebih berkualiti digunakan agar ianya kelihatan lebih cantik dan tahan lama.

BAB 9

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

9.1 Pengenalan

Perkahwinan etnik Bisaya di Sabah mempunyai keunikan yang tersendiri. Keunikan inilah yang menjadikan majlis perkahwinan etnik Bisaya menjadi lebih menarik, meriah dan turut diserikan dengan pelbagai acara kesenian.

9.2 Majlis Perkahwinan Masyarakat Bisaya



Pelamin semasa perkahwinan etnik Bisaya.

9.2.1 Merisik

Adat perkahwinan etnik Bisaya biasanya dimulakan dengan merisik terlebih dahulu. Merisik dilakukan oleh pihak lelaki bagi memastikan bahawa calon pengantin perempuan masih belum mempunyai atau masih bujang. Upacara merisik lazimnya digunakan untuk menyiasat latar belakang si gadis.

Upacara ini juga bertujuan untuk memperkenalkan keluarga kedua-dua pihak pengantin lelaki dan perempuan agar hubungan kekeluargaan dapat diteruskan.

Tempoh memberi kata putus selepas upacara merisik merupakan satu petunjuk kepada pihak lelaki sama ada pihak perempuan sudi menjadikan lelaki tersebut sebagai menantu ataupun tidak. Jika dalam masa tiga hari keputusan telah dibuat, bermakna bahawa mereka telah bersetuju. Tetapi, jika tempoh seminggu telah berlalu dan tiada jawapan diberikan kepada pihak lelaki, hal ini bermakna bahawa pinangan tersebut telah ditolak.

9.2.2 Pertunangan

Setelah upacara merisik selesai, peringkat seterusnya ialah upacara pertunangan. Upacara bertunang berlaku apabila kedua-dua pihak telah mencapai kata sepakat untuk menjodohkan anak mereka. Biasanya, satu tempoh akan ditetapkan untuk pihak lelaki bersedia dalam semua aspek seperti persiapan untuk perkahwinan, hantaran perkahwinan yang mencukupi, sihat tubuh badan dan perkahwinan tersebut dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebelum melangsungkan perkahwinan. Pihak keluarga juga telah berunding mengenai hantaran yang diperlukan semasa pertunangan berlangsung. Biasanya tempoh setahun diberikan kepada pihak lelaki sebagai tempoh bertunang tetapi ada juga yang tidak sampai setahun. Pada ketika ini duit hantaran belum diserahkan dan memadailah dengan hanya bertukar cincin dan dulang hantaran.

Pada peringkat ini, keluarga kedua-dua belah pihak akan berunding dan membuat kata putus berkaitan dengan hal-hal seperti hantaran atau berian yang perlu disediakan. Etnik Bisaya juga pada lazimnya tidak banyak berbeza dengan masyarakat bumiputera lain yang terdapat di Sabah dari segi penentuan jumlah hantaran atau berian.